

Laporan penyusunan semula program Rakan Muda akhir Jun

BH - 3 JUN 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat – Kementerian Belia dan Sukan akan menyerahkan laporan penyusunan semula Program Rakan Muda kepada jawatankuasa Kabinet Mengenai Hal Ehwal Belia yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selewat-lewatnya akhir bulan ini.

Menterinya, Datuk Hishammuddin Hussein berkata, laporan kementeriannya dan Universiti Putra Malaysia itu mengandungi cadangan baru bagi menangani masalah remaja.

“Jika masalah tidak dapat dibendung melalui peraturan lama dan kaedah lama seperti kempen keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang, kaedah baru menangani masalah itu perlu diketengahkan,” katanya kepada pembe-

rita selepas merasmikan Pameran Big Boys Toys di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Beliau berkata, laporan itu turut mencadangkan penyertaan kementerian dan agensi kerajaan lain bersama-sama mengatasi masalah remaja masa kini.

“Walaupun Kementerian Belia dan Sukan menerajui usaha itu, perlu ada kerjasama kementerian lain agar langkah penyelesaian pada peringkat sekolah, pembangunan usahawan, sukan atau jabatan agama dapat bergerak serentak,” katanya.

Sementara itu, Hishammuddin yang turut merasmikan Sekolah Perlumbaan Profesional sempena pameran itu, berkata penubuhan institusi khas yang memberi tumpuan kepa-

da sukan bermotor, kena pada masanya.

“Institusi ini membuka pintu kepada mereka yang berminat menceburkan diri secara langsung dalam sukan bermotor selain boleh mencungkil dan menggilap bakat baru terutama di kalangan remaja.

“Industri sukan bermotor, jika diberi tumpuan serta sokongan, berupaya meletakkan Malaysia pada peta dunia,” katanya.

Sekolah itu berupaya menampung kira-kira 100 orang pelajar. Sehingga kini, lima orang sedang mengikuti latihan.

Pameran Big Boys Toys, yang memperkenalkan konsep baru permainan untuk orang dewasa, adalah pertama kali diadakan di Asia.